

06/09/2003

Fasa kedua capai status negara maju: Dr M

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi melancarkan fasa kedua pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) sambil menaruh keyakinan projek yang dicetuskannya lebih tujuh tahun lalu bakal membawa negara kepada status negara maju.

Perdana Menteri berkata, tempoh kira-kira enam tahun tidak lama kerana sejak mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) pertama di Universiti Standford pada 1997, MSC kini sudah berada pada fasa kedua.

"Kini kita harus melihat ke depan ketika memasuki fasa kedua ini. Fasa kedua ini harus dirancang dengan teliti. Saya yakin fasa kedua ini adalah tempoh yang menyeronokkan, penting dan menarik seperti juga fasa pertama.

"Saya percaya MSC akan terus maju. Walaupun ia tidak menjadi seperti Lembah Silikon, ia menjadi MSC kita...ia kawasan kita sendiri untuk membangunkan teknologi maklumat (IT)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran fasa kedua MSC, di sini malam tadi.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Abdul Halim Ali; Ketua Pegawai Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun dan anggota serta wakil IAP MSC.

Mesyuarat IAP ketujuh di sini akan menjadi yang terakhir bagi Dr Mahathir selepas mempengerusikan semua mesyuarat IAP dan perancangan projek yang bertujuan membawa negara setanding negara maju lain dalam era maklumat.

Fasa kedua MSC dari 2003 sehingga 2010 akan menentukan hala tuju pembangunan MSC, terutama dalam pembangunan, hala tuju, strategi dan aplikasi yang bakal menjadikan Malaysia setanding negara maju lain.

Mengimbas pertemuan pertama dengan ketua dan eksekutif syarikat IT dan pakar teknologi terulung dunia di Universiti Stanford, Dr Mahathir berkata beliau terkejut dengan kehadiran begitu ramai pakar untuk mendengarnya bercakap.

"Sambutan itu adalah menggalakkan dan kita menerima sokongan daripada ramai eksekutif kanan syarikat, termasuk untuk menjadi anggota IAP. Itu adalah kejayaan pertama kita kerana pada mulanya saya tidak menjangka mereka mahu terbabit dengan negara yang agak ketinggalan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia adalah negara yang bercita-cita besar serta tidak mahu ketinggalan dalam revolusi maklumat seperti era perindustrian.

"Kami sedikit terlewat ketika era industri. Malah, kami belum merdeka ketika itu tetapi revolusi maklumat sedang berlaku pada masa ini dan kami berpeluang untuk mencapainya bersama orang lain," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan penghargaan kepada bekas Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Othman Yeop Abdullah yang menukar idea MSC kepada realiti.

"Hasil yang dilihat di sini adalah usaha Othman dan kakitangan MDC yang gigih," katanya yang turut menyatakan terima kasih kerajaan kepada anggota IAP lama dan baru yang terus memberi sokongan bagi menjayakan MSC.